



MOHAMAD ROZI HASSAN bergambar bersama pelajar baharu yang mendaftar di Universiti Malaysia Pahang. Gambar baru-baru ini.

275 graduan diploma sambung pengajian di UMP

KUANTAN 13 Feb. - Seramai 275 graduan diploma atau setaraf mendaftar di **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** bagi mengikuti pengajian ijazah sarjana muda dalam bidang kejuruteraan dan teknologi pada hari pendaftaran penuntut baharu di Dewan As-taka UMP Gambang serta Pekan, dekat sini kelmarin.

Mereka terdiri daripada 127 penuntut wanita dan 148 lelaki yang akan mengikuti pengajian di tiga fakulti di UMP Pekan serta enam fakulti di kampus Gambang.

Ketibaan mahasiswa baharu berkenaan disambut Ketua Pegawai Eksekutif UMP Advanced, Dr.

Mohamad Rozi Hassan; Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UMP, Prof Dr. Jamil Ismail dan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Dr. Muhammad Mat Noor.

Dr. Mohamad Rozi berkata, buat pertama kalinya, UMP Advanced yang merupakan entiti UMP memberi fokus kepada kemasukan khas pengambilan bulan ini untuk lulusan diploma atau setaraf bagi program ijazah sarjana muda.

"Ia adalah inisiatif baharu hasil saranan pengurusan UMP bagi membuka laluan kepada graduan diploma atau setaraf untuk mengikuti program pengajian

ijazah sarjana muda di universiti ini.

"Lebih menarik, penuntut yang mengikuti program di bawah UMP Advanced ini berpeluang mengikuti program khas yang dapat meningkatkan nilai tambah bagi kebolehpasaran apabila tamat pengajian nanti," katanya di sini kelmarin.

Dalam pada itu, seorang penuntut baharu, V. Divaanesvary, 22, gembira ditawarkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Kepujian) Kimia Industri di Fakulti Sains dan Teknologi Industri UMP.

"Semestinya saya berasa gembira kerana dipilih melanjutkan pengajian tinggi di sini," katanya.